

PERHATIKAN
PLEASE NOTE EMBARGO

PEN. 9/77/ 127(TPM)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan sebelum
pukul 9.30 pagi pada 1.10.77

DATO' SERI DR. MAHATHIR RASMI PERSIDANGAN
PERWAKILAN IMG

②

Ucapan Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri di upacara Perasmian Persidangan Perwakilan Dua Tahun Sekali Yang ke 20 Majlis Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar (IMG), di Hotel Jaya Puri, Petaling Jaya, pada hari Sabtu lhb. Oktober, 1977, jam 9.00 pagi.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terimakasih kepada saudara-saudara kerana sudi menjemput saya merasmikan Persidangan Perwakilan Dua Tahun Sekali Yang ke 20 ini.

Saya anggap ini satu kehormatan yang besar kepada saya dan satu kejayaan kepada Kerajaan sebagai majikan kerana ia membuktikan perhubungan yang baik antara Kerajaan dengan kakitangannya di peringkat ini. Perhubungan yang rapat antara Kesatuan dan Pekerja dengan majikan mereka amatlah penting dalam sistem politik dan pentadbiran kita kerana ia membolehkan masalah diselesaikan dengan cara yang kurang merugikan. Perhubungan ini menjadi lebih penting kerana majikan ialah Kerajaan dan sebarang sengketa yang melibatkan pekerja Kerajaan bukan sahaja melibatkan pekerja dan majikannya tetapi juga orangramai atau masyarakat keseluruhannya.

Dalam sistem demokrasi yang kita amalkan di negara ini, kuasa dibahagi-bahagikan. Bukan sahaja Kerajaan mempunyai kuasa tetapi lain-lain pihak juga mempunyai kuasa. Diantara pihak-pihak yang mempunyai kuasa ialah pekerja dan Kesatuan-kesatuan Sekerja.

Perbedaan antara kuasa Kesatuan Sekerja dengan kuasa Kerajaan ialah kuasa Kesatuan cuma dirasai apabila Kesatuan menamatkan khidmat ahli-ahlinya. Walaupun pekerja memegang jawatan yang rendah, tetapi jika mereka tidak berkhidmat kesannya akan dirasai oleh majikan dan juga orangramai.

Di London dua tahun dahulu "dustmen" atau tukang sampah telah tidak bekerja dan dalam beberapa hari bukan sahaja London menjadi kotor dan busuk tetapi wabak penyakit mula mengancam. Dengan itu maka sederlah penduduk London dan pentadbir London betapa pentingnya "dustmen" tadi.

Yang jelas daripada peristiwa ini ialah kuasa yang ada kepada Kesatuan Sekerja adalah real dan berkesan. Sama ada mereka buruh kasar atau ahli profesional, pertubuhan massa atau mass organisation mempunyai kuasa yang setanding dengan Kerajaan (legislative) atau pentadbiran (executive) atau judiciary.

Seperti biasa kuasa boleh diguna untuk kebaikan atau keburukan. Ada pepatah yang berkata "Power corrupts". Maknanya ialah walaupun kuasa boleh membawa kebaikan, biasanya kuasa mempengaruhi ke arah keburukan.

(tambahan)

Kita bersyukur kerana kuasa yang ada kepada Kesatuan Sekerja di negara ini tidak diguna untuk keburukan. Memang ada ugutan untuk menyusahkan rakyat termasuk orang sakit, kanak-kanak sekolah dan pengguna-pengguna bas jika tuntutan-tuntutan tidak dilayan. Memang ada tindakan yang diambil untuk mengancam orang ramai. Memang ada percubaan memperalatkan Kesatuan Sekerja untuk politik. Tetapi pada keseluruhannya belum ada bukti kecenderungan menyalahguna kuasa atau tindakan tidak bertanggungjawab di kalangan Kesatuan Sekerja di Malaysia. Khususnya Kesatuan saudara-saudara sendiri dalam masalah Gaji Kabinet umpamanya tidak mengugut dan tidak angkuh dan sombong.

Cara saudara-saudara ialah cara rundingan dan tolak ansur. Runding dan tolak ansur bermakna kesanggupan menimbang dan kadang-kadang menerima pendapat dan hujjah pihak yang lain. Cara ini amatlah sukar diamalkan oleh orang yang berkuasa kerana kecenderungan orang yang berkuasa mengugut dan bertindak keras jika dihalang.

Saya sedar bahawa sikap angkuh dan tidak suka berunding mungkin juga ditunjuk oleh Kerajaan. Tetapi Kerajaan yang demokratik, yang terpaksa menghadapi pemilihan raya tiap-tiap lima tahun tahu bahawa penyalahgunaan kuasa akan menyebabkan ia tewas.

Oleh itu Kerajaan tidak akan mengguna kuasa yang lebih dari hak melainkan diinya diizin oleh rakyat. Rakyat mahu kestabilan dan Kerajaan akan menentukan kestabilan ini wujud dalam negara. Jika mana-mana pihak menyalahgunakan apa juga kuasa yang ada kepada mereka dan dengan itu kestabilan dalam negara terancam, saya percaya rakyat akan memberi keizinan kepada Kerajaan menggunakan kuasa yang lebih untuk memulihkan kestabilan.

Setakat ini nampaknya rakyat sanggup menghadapi berbagai kesulitan akibat tindakan yang tidak bertanggungjawab oleh orang-orang yang mempunyai kepentingan tertentu, kerana rakyat sayang kepada kebebasan bertindak. Oleh itu Kerajaan tidak akan mengambil apa-apa tindakan untuk mencegah perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu. Tetapi adalah diharap sikap Kerajaan tidak disalah tafsir sebagai kelemahan oleh mereka-mereka yang merancang menimbul kekacauan dan mengancam ekonomi dan kestabilan negara ini.

Saya telah mengambil masa yang panjang untuk bersyarah berkenaan dengan kuasa. Saya meminta maaf kerana mengambil kesempatan ini, tetapi syarahan ini bukan ditujukan kepada saudara-saudara sahaja. Sebenarnya ia lebih ditujukan kepada kumpulan-kumpulan lain sama ada orang-orang profesional atau buruh kasar yang cuba mengguna mass action untuk mengugut masyarakat. Kerajaan sedang memerhati pergolakan ini dan akan menyelamatkan negara dari sebarang penyalahgunaan kuasa oleh sesiapa.

Sekarang ingin saya tumpukan pula kepada perkara-perkara yang lebih dekat dengan hati saudara-saudara.

Di waktu perjumpaan antara wakil-wakil Kesatuan IMG dengan saya sejurus selepas Tanggagaji Kabinet diumumkan, cadangan telah dibuat oleh pihak Kesatuan supaya dihidupkan semula Majlis Kebangsaan Whitley (IMG) Pihak Pekerja. Kerajaan tidak menolak cadangan ini tetapi untuk mengelak dari keputusan yang tidak bijak, Kerajaan terpaksa mengambil masa untuk menentukan sikapnya.

(tambahan)

Saya percaya perkara ini akan dibincang dalam perhimpunan ini dan saya harap resolusi dan memorandum dapat disampaikan kepada Kerajaan untuk dikaji dan dipertimbangkan.

Berhubung dengan masalah tunggakan bayaran kerja lebihmasa, perkara ini menyentuh beberapa prinsip perkhidmatan. Kerajaan sedang mengkaji perkara ini dan akan membuat keputusan.

~~W~~ Berkenaan dengan kerja lebihmasa yang bayerannya meningkat lebih dari $\frac{1}{3}$ dari gaji, pihak Kerajaan telah menimbangannya dan menentukan bahawa dalam kes-kes tertentu, di mana kerja lebihmasa tidak dapat dielak dan hakikat ini dipersahkan oleh pegawai tertentu, maka kerja lebihmasa bolehlah diadakan walaupun bayaran untuknya meningkat lebih dari $\frac{1}{3}$ gaji biasa. Tuan-tuan tentu faham kenapa Kerajaan terpaksa membuat keputusan seperti ini dan tidak balik kepada amalan lama.

Saya meminta maaf sekali lagi bagi pihak Kerajaan kerana sehingga ini Tribunal Gaji seperti dijanji dalam Laporan Gaji Kabinet belum dibentuk. Ini disebabkan oleh desakan dari pekerja-pekerja sendiri yang ingin melihat Pengerusi Tribunal ini terdiri dari tokoh yang mempunyai beberapa sifat. Saya sukacita memberitahu Adui Kerajaan telahpun memilih Pengerusi yang sesuai tetapi saya tidak dapat mengumumkan namanya sehingga urusan mendapat persetujuan dari MAM Yang Di Pertuah Agung seperti dikehendaki oleh undang-undang diselesaikan. Saya harap tuan-tuan dapat bersabar kerana Kerajaan seperti pekerja juga ingin menyelesaikan masalah anomali ini secepat mungkin.

Akhirnya bagi pihak Kerajaan saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan akan menolong menjayakan Koperasi Kebangsaan Pekerja-Pekerja Kerajaan Semenanjung Malaysia Berhad. Apa juga pertolongan yang wajar diberi akan diberi kerana memang menjadi Dasar Kerajaan menngalakkan Koperasi, lebih-lebih lagi Koperasi yang bertujuan membantu ekonomi kumpulan yang berpendapatan rendah. Jika diizinkan saya ingin menasihati supaya Koperasi ini tidak dianggap sebagai tempat berhutang sahaja. Jika sikap ini berleluasa, Koperasi akan memburukkan kehidupan bukan memperbaikinya. Hari ini pun kita mendengar tentang bayaran hutang Koperasi sehingga take home pay cuma tinggal \$10/-. Kejadian seperti ini amat mengecewakan kerana sebenarnya Koperasi bertujuan meninggi pendapatan ataupun sekurang-kurangnya mengurangkan perbelanjaan ahli-ahli.

Dengan itu saya dengan segala sukacitanya merasmikan Perpidangan Perwakilan Dua Tahun Sekali Yang ke 20 Majlis, Kakitangan Kerajaan Kumpulan Perusahaan dan Buruh Persekutuan Tenoh Melayu dan berdoa mudah-mudahan ia memberi manfaat kepada tuan-tuan sekalian dan juga negara.

Terimakasih.

KUALA LUMPUR,
13hb. September, 1977. (dikeluarkan pada pukul 10.00 pagi.)

nav/maz